

CAKAR COKLAT
Brown Bullfinch

FAMILLI: Fringillidae
NAMA SAINTIFIK: *Pyrrhula nipalensis*

CIRI-CIRI

Individu dewasa sub-spesies *P.n. waterstradti* mempunyai kepala dan badan berwarna coklat kekelabuan seragam dengan muka dan dagu kehitaman, bulu pahat telinga keputihan dan sayap dan ekor hitam yang jelas. Pada bahagian atas kepala terdapat corak seperti sisik yang gelap manakala pada belakang badan terdapat jalur hitam. Pada atas ekor terdapat jalur putih. Sayap dan ekor biru hingga ungu berkilat manakala tongkeng berwarna putih. Individu juvenil mempunyai tanda pada kepala yang kurang gelap berbanding dewasa, bulu badan bercampur kekuningan cair dan jalur kuning cair pada bulu pahat median. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 16.5 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada biji-bijian dan serangga.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan hutan dipterokarp malar hijau yang lebih terbuka, hutan konifer, hutan sekunder sehingga 1,200 m-2,100 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *u'ih pi-huu* yang diulang dengan cepat dan lembut.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Januari hingga Julai. Individu betina boleh menghasilkan 2 biji telur berwarna biru pudar dengan bintik-bintik hitam pada hujung yang lebih lebar. Sarang biasanya dibina pada dahan pokok, terutamanya pokok konifer.

STATUS

Akta 76/72, dipelindungi sepenuhnya.